

# PM: Umno sedia berbaik dengan pembangkang

BH 16 AUG 1989

**KAMPUNG RAJA (Besut), Khamis — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Umno sedia berbaik- baik semula dengan pembangkang sekiranya mereka sanggup membuang perbuatan dan sikap yang buruk.**

Katanya, kerajaan tidak ingin melihat perpecahan yang berterusan dan mahu melaksanakan pembangunan untuk kemajuan rakyat serta negara.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan tidak da-

pat memberi tumpuan sepenuhnya kepada pembangunan selagi perpecahan, terutama di kalangan orang Melayu, berlaku di sana sini yang berpunca daripada parti pembangkang.

"Pemimpin-pemimpin kerajaan terpaksa banyak berjalan untuk menjelaskan keadaan sebenar sebab-sebab perpecahan itu," katanya di majlis perhimpunan perpaduan ummah di hadapan kira-kira 12,000 rakyat di kediaman Pegawai Daerah Besut, di Air Tawar, dekat sini hari ini.

Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Asmah; Menteri Besar,

Datuk Seri Haji Wan Mokhtar Ahmad; Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Yusoff Noor dan Timbalan Menteri Buruh, Datuk Haji Zakaria Abdul Rahman turut hadir.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan terpaksa menerangkan sejelas-jelasnya kerana pembangkang sekarang menggunakan pelbagai isu, terutama agama, untuk menarik perhatian rakyat.

Di Terengganu, katanya, pembangkang sedang bekerja keras untuk memerintah kerana negeri ini kaya dengan petroleum dan gas.

"Kerana ingin mengejar kemenangan, mereka sanggup menggunakan al-Quran dan Hadis bagi kepentingan diri dan politik mereka," tambahnya.

Perdana Menteri berkata, tindakan pembangkang yang menyebabkan perpecahan jelas sekali menunjukkan mereka mempunyai niat buruk.

Beliau berharap rakyat tidak terpengaruh dengan isu-isu yang boleh memecah-belahkan perpaduan kerana banyak keburukannya daripada kebaikan.

"Di Asia Barat umat Islam berjumlah kira-kira 90 juta orang, tetapi mereka gagal mengalahkan Israel yang mempunyai rakyat kira-kira tiga juta orang sahaja kerana negara-negara Islam tidak bersatu padu," katanya.